



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PROJEK RINTIS MELANJUTKAN WAKTU OPERASI
KLINIK KESIHATAN BAGI MENGURANGKAN KESESAKAN
PESAKIT DI HOSPITAL KERAJAAN MENUNJUKKAN
KEBERKESANAN DENGAN PENURUNAN 54 PERATUS PESAKIT DI
JABATAN KECEMASAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR), Kementerian dan Agensi Kerajaan berkaitan telah memulakan pelaksanaan tindakan segera projek rintis bagi mengurangkan kesesakan pesakit di Jabatan Kecemasan di hospital kerajaan.

Projek ini merupakan salah satu daripada inisiatif Bitara MADANI yang dipacu oleh Pasukan STAR bagi menyelesaikan segera masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat. Status terkini pelaksanaan projek rintis bagi mengurangkan kesesakan pesakit di hospital kerajaan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Malaysia MADANI (MTMM) Bilangan 1/2023 pada 13 April 2023 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Projek rintis ini telah dilaksanakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) dan Klinik Kesihatan Bandar Botanik (KKBB) di daerah Klang yang mana tindakan segera cadangan intervensi adalah dengan memindahkan operasi zon hijau (bukan kecemasan) Jabatan Kecemasan HTAR ke KKBB di luar waktu operasi bermula pada 25 Mac 2023 dengan KKBB melanjutkan waktu operasi sehingga 9.30 malam setiap hari.

Sehingga 9 April 2023, purata kedatangan pesakit zon hijau ke Jabatan Kecemasan dan Trauma, HTAR telah mencatatkan penurunan kedatangan pesakit sebanyak 54 peratus. Trend penurunan ini berlaku lebih ketara pada hari Sabtu dan Ahad dan selari dengan peningkatan kedatangan pesakit ke KKBB selepas intervensi pelanjutan tempoh operasi ini dilaksanakan bermula 25 Mac 2023.

KKM memutuskan untuk memperluas skop projek rintis intervensi pemanjangan tempoh operasi ke klinik-klinik kesihatan yang lain. Lima (5) klinik kesihatan telah dipilih untuk tujuan ini yang melibatkan daerah Gombak, Hulu Langat, Ipoh, Johor Bharu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di samping pelanjutan waktu operasi di klinik kesihatan, tujuh (7) lagi tindakan penyelesaian jangka pendek dan jangka sederhana bagi mengurangkan kesesakan pesakit di hospital kerajaan sedang dilaksanakan. Antaranya adalah pelaksanaan rintis Skim Perubatan MADANI, semakan semula akta, pekeliling dan garis panduan berkaitan, pelaksanaan pengurusan LEAN, perluasan perkhidmatan penjagaan kesihatan virtual, dan strategi komunikasi melalui *behavioral insight*

sedang berjalan dengan kerjasama Kementerian dan Agensi Kerajaan berkenaan.

KKM amat menggalakkan pesakit yang tidak mengalami sakit kritikal untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan. Pendekatan ini dapat membantu doktor dan anggota kesihatan dalam memberikan rawatan segera kepada pesakit kritikal di Jabatan Kecemasan hospital kerajaan.

YB Dr. Zaliha Mustafa
Menteri Kesihatan Malaysia
13 April 2023